

LAPORAN PEMERHATIAN

Pihak Tindak Malaysia, salah satu badan bukan kerajaan yang memberi tumpuan kepada pembaharuan sistem pilihan raya, baru - baru ini mengambil bahagian dalam proses pemerhatian pilihan raya kecil Semenyih. Ini merupakan kali kedua dalam sejarah Tindak Malaysia, sejak penubuhannya pada tahun 2008, pihak kami telah diundang oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya untuk memantau dan memerhati proses pilihan raya dari penamaan calon sehingga proses pengiraan undi. Berikut adalah maklumat - maklumat ringkas mengenai proses pemerhatian dari pihak Tindak Malaysia

PASUKAN

1. Pihak Tindak Malaysia hantar 8 orang Pemerhati. Kebanyakan daripada kalangan pemerhati yang mempunyai pengalaman dalam bidang Ejen Mengundi dan Ejen Mengira (PACA).
2. Kawasan pengundian dipantau : Semenyih Selatan, Kampong Tanjong, Kampung Baharu Semenyih, Pekan Semenyih, Beranang, Kampung Batu 26 Beranang, PenjaraK Kajang, Bandar Rinching Seksyen 5 - 6, Bandar Tasik Kesuma, Kantan Permai dan Bukit Mahkota
3. Kita bekerjasama dengan pihak Bersih dan Engage untuk mendapat liputan terluas untuk proses pemerhatian

CIRI PEMERHATIAN 1: DAFTAR PEMILIH/ PUSAT MENGUNDI/ BENTUK DAERAH MENGUNDI

PEMERHATIAN POSITIF

1. SPR menyatakan kesemua senarai pengundi OKU dalam daftar pemilih. Kesemua pengundi OKU telah dimasukkan dalam Saluran 1
2. SPR telah membuka pusat pengundian kedua untuk Daerah Mengundi Bukit Mahkota untuk menampung bilangan pengundi yang amat tinggi
3. Penukaran pusat mengundi untuk Kampung Tanjong dari Balai Raya ke Dewan Orang Ramai Semenyih (walaupun pusat mengundi terletak di luar daerah mengundi) ialah tindakan betul kerana Balai Raya mempunyai tingkat yang menjejaskan proses pengundian untuk OKU dan warga emas. SPR telah memberi notis awal kepada semua pengundi menetap di Kampung Tanjong secara awal melalui pos

PEMERHATIAN NEGATIF

1. Harga DPPR telah meningkat bagi pihak yang membuat penyelidikan dari golongan yang tidak bertanding untuk pilihan raya. Sekarang, setiap muka surat DPPR

mempunyai tiga puluh nama dan penghitungan harga untuk setiap seksyen mengandungi tiga puluh nama masih dikenakan 50 sen. Sebelum, setiap muka surat DPPR mempunyai lima puluh nama dan penghitungan harga untuk setiap seksyen ditetapkan pada 50 sen. Harga DPPR untuk PRU14 (53676 pengundi) ialah RM 217.20. DPPR untuk PRK 2019 (54503) sedang dijual pada harga RM365.80. Kekaburan dalam peraturan pilihan raya Seksyen 28 (a) mungkin menyebabkan harga DPPR telah meningkat secara mendadak

2. Lokasi pusat pengundian untuk Kampung Baharu Semenyih yang terletak di Pekan Semenyih mungkin mengakibatkan kesesakan jalan di Pekan Semenyih. Daerah Mengundi Pekan Semenyih mempunyai dua pusat mengundi (satu untuk daerah mengundi tersebut dan satu lagi untuk Kampung Baharu Semenyih. Namun begitu, situasi tidak jadi buruk kerana peratusan pengundian masih bawah tahap PRU14
3. Lokasi pusat mengundi untuk Penjara Kajang di luar DUN dan yang terletak dalam kawasan perumahan menyebabkan kesulitan kecil untuk pengundi mencari pusat mengundi. Oleh sebab pusat mengundi terletak di luar DUN, soalan akan timbul mengenai kepatuhan bentuk DUN dengan syarat 2(b) dalam Jadual ke-13.

CIRI PEMERHATIAN 2: HARI PENAMAAN CALON/ SEMAKAN ISI PETI UNDI AWAL/ SEMAKAN ISI PETI UNDI BIASA/ HARI PENGUNDIAN AWAL/PENGELURAN UNDI POS

PEMERHATIAN POSITIF

1. Proses Penamaan Calon telah dijalankan secara lancar, dalam situasi terkawal dan lokasi penamaan senang dicari
2. Walaupun terletak di luar DUN, Dewan Sri Cempaka mempunyai ruang yang luas dan sesuai untuk Penamaan Calon
3. Untuk semakan isi peti undi awal, proses semua lancar dan dewan yang besar sesuai untuk semakan undi
4. Peratusan pengundian yang tinggi dan lancar untuk IPPD Kajang. Pihak pilihan raya di IPPD melaksanakan tugas secara professional apabila mengendalikan salah satu ahli polis yang berkerusi roda
5. Tiada isu untuk proses pengundian awal di kem Tentera
6. Tiada isu untuk semakan isi peti undi biasa

PEMERHATIAN NEGATIF

1. Sewaktu pengeluaran undi pos, terdapat ejen ejen parti politik dan pemerhati menggunakan telefon bimbit.
2. Sebanyak 109 undi pos telah ditolak. Hal ini disebabkan saksi tidak memenuhi maklumat alamat dan kad pengenalan dengan lengkap

CIRI PEMERHATIAN 3: HARI PEGUNDIAN BIASA & PENJUMLAHAN UNDI

PEMERHATIAN POSITIF

1. Papan Tanda menunjukkan tempat mengundi telah ditingkatkan dan mudah dilihat (seperti di pusat mengundi untuk Pekan Semenyih)
2. Untuk pusat mengundi SMK Bandar Seri Putra (Bukit Mahkota), dan Bandar Tasik Kesuma, pihak SPR atau Pihak PP telah menyediakan kereta golf untuk menyenangkan perjalanan pengundi ke tempat mengundi. Satu tindakan patut dipuji
3. Kerani Pengundian telah merancang secara awal untuk mengeluarkan borang undi dan melipatkan undi yang telah mempercepatkan proses pengundian
4. Pihak KTM dan SPR di beberapa pusat pengundian adalah tegas apabila memusnahkan catatan Ejen Mengundi (PA) yang cuba mengaitakan nombor siri dengan nama pengundi
5. Kerani Pengundian Pertama di beberapa kawasan pengundian adalah tegas dan memusnahkan borang rujukan undian (yang telah diberikan oleh parti politik) yang pengundi membawa masuk ke tempat mengundi
6. Pihak SPR dan pihak PP patut dipuji meletakkan tanjakan untuk membolehkan pengundi kerusi beroda untuk mengundi dengan senang (seperti di Balai Raya PKNS, Kampung Batu 26 Beranang)
7. Kesemua proses pengundian dan pengiraan undi telah mematuhi peraturan pilihan raya
8. Proses pengiraan undi awal dilaksanakan dengan lancar
9. Pemberitahuan mengenai proses perubahan tempat untuk pengiraan undi oleh Timbalan Pegawai Pengurus (PP) telah disampaikan kepada ejen-ejen parti
10. Pihak SPR bertindak secara tegas dan proaktif untuk membetulkan kesilapan dibuat oleh KTM di Kampong Tanjong dan beberapa kawasan lain dalam proses pengiraan undi
11. Pengiraan Undi Pos dilaksanakan secara lancar
12. Proses penjumlahan rasmi undi dan proses pengisytiharan keputusan berjalan dengan lancar

PEMERHATIAN NEGATIF

1. Parti Politik masih mengadakan pondok panas atau melakukan aktiviti merayu undi di kebanyakan kawasan pengundian
2. Pondok BN di hadapan kawasan pengundian Kampung Baharu Semenyih telah didapati memberi payung percuma
3. Adakalanya tanda tanda di sesetengah kawasan pengundian membawa kekeliruan kepada pengundi

4. Ahli ETM merekodkan senarai bilangan pengundi mengikut susunan sewaktu proses pengundian. Ini mungkin menjejaskan kerahsiaan pengundi
5. Paparan untuk jumlah undi bagi setiap saluran (keputusan tidak rasmi) adakalanya tidak berfungsi dengan baik.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN:

1. Penguatkuasa perlu diberi lebih kuasa untuk menjalankan tugas dengan bantuan dari polis terhadap penyokong-penyokong parti bertanding yang tidak mematuhi peraturan dan arahan
2. Kemudahan yang digunakan untuk Saluran 1 di Kampung Tanjong perlu diperbaiki kerana ketinggian tanjakan dan perimeter pintu tidak sama. Ini menyebabkan proses kemasukan dan keluar pengundi lebih sulit.
3. Tanda - tanda untuk masuk dan keluar kawasan tempat mengundi perlu ditingkatkan. Pengundi masih keliru yang mana adalah pintu masuk dan keluar
4. Pasukan Penguatkuasa perlu diberi taklimat atau latihan mendalam untuk memahami undang-undang sewaktu masa kempen dan hari pengundian. Kedua, kami mencadangkan bahawa pegawai polis dari daerah lain disertakan pada hari pengundian. Ini akan membantu penguatkuasaan undang-undang lebih berkesan
5. SPR patut memberi peringatan kepada ejen-ejen dan pemerhati tidak menggunakan telefon bimbit sewaktu kawasan larangan (terutamanya Bilik Gerakan Undi Pos)
6. SPR patut memberi peringatan kepada pengundi supaya memastikan butir-butir penuh perlu diisi dalam Borang 2 untuk mengelakkan penolakan undi pos
7. Sekiranya pasukan penguatkuasa dapat melawat ke tapak pusat pengundi lewat petang sebelum hari mengundi, ia mungkin dapat memastikan pondok panas tidak didirikan di luar kawasan sekolah.

SEKIAN

DANESH PRAKASH CHACKO

PENASIHAT PEMETAAN

TINDAK MALAYSIA

016- 7960571